

17/02/1999

Amerika Selatan sasaran pelabur sawit tempatan

KUALA LUMPUR, Selasa - Amerika Selatan dijangka menjadi sasaran pelabur Malaysia untuk meluaskan pasaran minyak sawit selain menjalin usaha sama membangunkan ladang pertanian itu di negara berkenaan.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata negara terbabit mempunyai kawasan tanaman dan pasaran besar untuk minyak sawit.

Menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang baru pulang dari Sidang Kemuncak Negara-Negara Kumpulan 15 (G-15) semalam memberitahu Venezuela berminat menceburi sektor pertanian itu.

"Kita akan menghantar pegawai ke Venezuela untuk berbincang mengenai perkara ini," katanya.

Beliau yang juga Presiden Gerakan berkata demikian kepada pemberita pada majlis Tahun Baru Cina parti itu di ibu pejabat Gerakan, di sini hari ini.

Antara tetamu yang hadir ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu.

Dr Lim berkata, minyak sawit berpotensi besar jika pengeluaran dan pemasarannya sebagai bahan makanan atau sumber asas lemak dipromosi dengan meluas dan teratur.

Berikutan itu, beliau membidas sikap sektor korporat yang lebih mementingkan keuntungan jangka pendek dan enggan melabur dalam sektor perladangan di negara asing walaupun terbukti berpotensi memberi pulangan lumayan.

"Pengeluaran minyak sawit dunia kini ialah sekitar 17 juta tan metrik setahun, termasuk hasil tempatan sebanyak sembilan juta tan metrik manakala penggunaannya dijangka meningkat hingga 20 juta tan metrik menjelang 2005.

"Pasaran baru, seperti Cina yang penggunaan lemak bertambah pada kadar 30 peratus setahun dan import semasa tahunan hampir lima juta tan metrik wajar dijadikan iktibar untuk menguasai pasaran minyak sawit dunia," katanya.

Dua minggu lalu, satu memorandum antara kementeriannya dan kerajaan Colombia sebagai persetujuan membuka ladang kelapa sawit dengan usaha sama syarikat tempatan di negara itu.

Setakat ini, syarikat tempatan sudah membuka ladang kelapa sawit di Indonesia, Vietnam serta Filipina dan akan diperluaskan ke Amerika Selatan, Afrika, Bangladesh, India, Pakistan dan Kepulauan Pasifik.

Dr Lim juga menolak tanggapan bahawa eksport minyak sawit perlu dikurangkan berikutan permintaan tempatan gagal dipenuhi dan peningkatan kadar eksport.

"Pengeluaran semasa minyak kelapa sawit negara ialah sekitar sembilan juta tan metrik dan hanya lima peratus (450,000 tan metrik) atau hampir 22 kilogram per kapita setahun digunakan rakyat tempatan.

"Ini tidak termasuk penggunaan hasil produk berasaskan minyak kelapa sawit yang menyumbang lebih 18 kilogram per kapita setahun di kalangan pengguna tempatan iaitu menyamai penggunaan di Amerika Syarikat.

"Kurang lima peratus penduduk negara ini menggunakan produk berasaskan minyak makan yang diimport dan kadar ini tidak begitu ketara sehingga menggugat potensi pasaran minyak kelapa sawit," katanya.

Aduan kekurangan minyak masak yang menghantui negara tidak berapa lama dulu pula dikenal pasti berpunca daripada manipulasi dalam pengagihan

bekalan produk terbabit yang didalangi pihak tertentu.

Selaras itu, kata Dr Lim, kementeriannya dengan bantuan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sudah merangka beberapa tindakan proaktif bagi membanteras penularan amalan terbabit.

(END)